

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)3

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

3. Saluran paip gas Malaysia.
- (a) Senaraikan laluan saluran paip gas utama (PGU) yang melalui Pulau Pinang mengikut jarak dan lokasi dalam peta.
 - (b) Senaraikan audit keselamatan atau pemeriksaan teknikal ke atas paip gas mengikut tahap keselamatan dan risiko kebocoran sejak tahun 2022.
 - (c) Nyatakan pelan kontingensi kecemasan negeri sekiranya berlaku kebocoran.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. (a) Laluan saluran paip gas utama *Peninsular Gas Utilization* (PGU) di Malaysia bermula dari Kerteh, Terengganu hingga ke Segamat, Johor melalui Kuantan, Pahang. Di Segamat, Johor saluran paip gas utama PGU ini akan terbahagi kepada dua (2) laluan iaitu satu laluan ke arah Selatan Semenanjung (menuju

ke Pasir Gudang, Johor) dan satu laluan ke arah Utara Semenanjung melalui Kapar, Selangor menuju ke Kedah.

Panjang saluran paip gas utama PGU di Pulau Pinang (dari Selatan ke Utara) adalah kira-kira 42 kilometer melalui kawasan dari sempadan Sungai Kerian, Parit Buntar - Relau - Machang Bubuk - Mengkuang - Ara Kuda - Kampung Selamat - Pinang Tunggal sebelum melintasi Sungai Muda untuk jajaran ke Kedah.

Manakala, jajaran sisi yang berhubung dengan paip gas utama PGU adalah sepanjang 23 kilometer yang membekalkan gas asli kepada Stesen Janakuasa Prai SKS (SKS Prai Power Plant), Stesen Janakuasa Tenaga Nasional Berhad (TNB) Prai dan seterusnya ke Stesen Janakuasa TNB Gelugor. Peta laluan paip gas utama PGU di Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

- (b) Audit keselamatan ke atas operator talian paip (gas dan petroleum cecair) dilaksanakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) setiap tahun. Audit keselamatan yang dilaksanakan ini bertujuan menilai tahap pematuhan

operator talian paip di seluruh Malaysia terhadap elemen pengurusan integriti, operasi, penyelenggaraan serta aspek teknikal lain. Bilangan operator yang dilaksanakan audit keselamatan sejak tahun 2022 adalah seperti di **JADUAL 1**.

JADUAL 1: BILANGAN OPERATOR YANG DIAUDIT (2022-2024)

TAHUN	BILANGAN OPERATOR
2022	7
2023	14
2024	19

Perincian berkenaan tahap keselamatan dan risiko kebocoran tidak dapat dibekalkan atas faktor kerahsiaan data. Sebarang risiko kebocoran akan diuruskan secara berkala dan terkawal berdasarkan hasil pemeriksaan teknikal. Arahan tindakan pemulihan segera akan dikeluarkan kepada operator-operator yang berkenaan bagi memastikan sebarang risiko adalah terkawal.

- (c) Pelan kontingensi kecemasan negeri adalah berdasarkan kepada Arahan NADMA No. 1 (Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara) yang meliputi peringkat sebelum,

semasa dan selepas sesuatu kejadian bencana termasuk pengurangan risiko bencana. Setiap agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana dan pengurangan risiko bencana di setiap peringkat sama ada di peringkat daerah atau negeri bertanggungjawab untuk melaksanakan peranan masing-masing selaras dengan Arahan No. 1 ini. Arahan ini juga akan dapat mengelakkan daripada berlakunya sebarang pembaziran, kekeliruan, konflik dan percanggahan atau pertindihan peranan semasa pengurusan bencana.

Maklumat terkini berhubung bencana yang berlaku akan disampaikan kepada orang awam melalui media, media sosial dan saluran rasmi Kerajaan. Selain itu, sekiranya bencana yang berlaku adalah di luar kawalan dan menyebabkan pencemaran udara atau lain-lain kesan yang serius, Kerajaan Negeri boleh mengisytiharkan kawasan tertentu sebagai kawasan darurat.